

BIO TEST

Your reliable home test kits series

Ujian Pengovulan

Kod Produk 9 555 223 208 036
Untuk kegunaan ujian *in-vitro* sahaja.
Simpan antara suhu 2 - 30°C

TUJUAN KEGUNAAN

Ujian Pengovulan BioTest adalah berdasarkan sistem *rapid chromatographic immunoassay* untuk mengesan *Luteinizing Hormone (LH)* dalam air kencing untuk mengesan proses pengovulan.

DASAR UJIAN

Pengovulan berlaku apabila telur keluar dari ovari. Setelah melalui saluran "fallopian", telur adalah sedia untuk persenyawaan. Untuk penghamilan berlaku telur mestilah disenyawakan oleh air mani dalam jangka 24 jam. Sejenak sebelum pengovulan berlaku, badan wanita akan menghasilkan hormon LH (*Luteinizing hormone*) yang tinggi yang akan menyebabkan telur dikeluarkan dari ovari. Ini sering berlaku dalam pertengahan kitaran haid. Inilah masa apabila penghamilan besar kemungkinan boleh berlaku. Ujian BIOTEST Pengovulan mengesan peningkatan tahap hormon LH dalam air kencing kerana ia bermakna pengovulan akan berlaku dalam jangkamasa 24 – 36 jam kemudian. Namun, peningkatan tahap hormon LH tidak semestinya berlaku dalam setiap kitaran haid.

AMARAN

1. Jangan menggunakan alat penguji yang telah melepasi tarikh lupus.
2. Sekiranya foil tidak ditutup dengan baik, jangan gunakan alat penguji.
3. Lakukan ujian di tempat yang terang.
4. Gunakan alat penguji serta-merta selepas membuka foil.
5. Jangan sentuh bahagian tingkat keputusan. Ini akan mempengaruhi keputusan dan adalah berbahaya.
6. Bekas foil mengandungi satu pek gel silika untuk menyerap kelembapan. Jangan membuka pek. Buang pek bersama alat penguji.
7. Selepas melakukan ujian, buang kesemua bahan yang telah digunakan kedalam bakul sampah. Cuci tangan dengan segera.

KANDUNGAN

- Alat Penguji
- Desiccant / Gel Silika
- Surat penerangan

ARAHAN

Ujian Pengovulan BioTest mengandungi tiga alat penguji yang membolehkan anda melakukan ujian ini tiga hari untuk mengenal pasti hari yang paling subur.

CARTA BIOTEST

Jangka kitaran haid (hari)	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31	32	33	34	35	36	37	38	39	40
Mulakan ujian selepas hari yang dinyatakan selepas hari pertama anda datang haid	6	6	7	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23

Kira jangka masa kitaran haid anda. Jangka masa kitaran haid anda adalah jumlah hari antara hari pertama anda datang haid sehingga hari terakhir sebelum haid yang berikutnya bermula. Sekiranya jangka kitaran haid anda tidak tetap, gunakan jangka kitaran haid yang paling pendek.

Rujuk kepada Carta BioTest untuk mengenal pasti bila anda patut memulakan ujian ini.


Sekiranya kitaran haid anda adalah 28 hari, anda patut memulakan ujian ini 11 hari selepas hari pertama anda datang haid.

Contohnya, katakan hari pertama anda datang haid ialah pada 3hb, maka anda patut memulakan ujian ini pada 13hb (iaitu 11 hari selepas 3hb).

S	M	T	W	T	F	S
	1	2	(3)	4	5	6
7	8	9	10	11	12	(13)
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30	31			

CONTOH

Kenalpastikan masa untuk menjalani ujian ini. Jangan melakukan ujian ini menggunakan air kencing pertama pada waktu pagi. Untuk mendapatkan keputusan yang lebih tepat, lakukan ujian ini pada masa yang sama setiap hari. Jangan minum air yang berlebihan 2 jam sebelum melakukan ujian ini.



Buka bungkus BioTest dan keluarkan alat penguji. Tanggalkan Penutup seperti dalam rajah. Pegang alat penguji dengan menghala Buntul Penyerap di bawah saluran air kencing selama 10 - 15 saat sehingga ia basah. NOTA : Jangan menghala Tingkat Keputusan dibawah saluran air kencing.

Tutup kembali Penutup atas Buntul Penyerap. Tunggu selama 3 minit untuk garisan dalam Tingkat Keputusan menjelma. Sekiranya tiada


keputusan, tunggu selama 1 minit lagi. Jangan membaca keputusan selepas 10 minit.

KEPUTUSAN



Positif

Dua garisan muncul dan garisan dalam Tingkat Keputusan (T) mestilah sama atau lebih nyata dari garisan dalam Tingkat Keputusan (C). ini bermakna anda akan mengalami pengovulan dari jangka 24 – 36 jam.



Negatif

Hanya satu garisan muncul dalam Tingkat Keputusan (C), atau dua garisan muncul tetapi garisan dalam Tingkat Keputusan (T) kurang nyata berbanding dengan Tingkat Keputusan (C). Ini bermakna tiada penghasilan hormon LH yang tinggi. Anda patut terus melakukan ujian ini keesokan hari.



Tidak Sah

Sekiranya tidak garisan yang muncul dalam Tingkat Keputusan (C). Anda dikendaki menjalankan ujian dengan menggunakan alat penguji yang baru.

JADUAL KEPUTUSAN

Catatkan keputusan anda di bawah jadual berikut untuk kemudahan merujuk.

	Tarikh	Masa	Keputusan
Ujian 1			
Ujian 2			
Ujian 3			

IFU-BT-LH-M.v3.2017

Dikilang oleh Atlas Medical
William James House, Cowley Road, Cambridge, CB4 0WX, UK
BioTest adalah hak-milik Bio-gro Sdn Bhd
www.bio-test.info